

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan yang dijalankan. Ia meliputi instrumen kajian, sampel kajian, pengutipan data, dan cara penganalisan data.

3.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian. Soal selidik ini mengandungi 13 item dan terbahagi kepada 31 pembolehubah. Item-item yang dibentuk dalam borang soal selidik meliputi Bahagian A yang mengandungi latar belakang pelajar dan tahap sosio-ekonomi keluarga (16 item) , Bahagian B item tentang persekitaran rumah (4 item) , dan Bahagian C item tentang corak asuhan ibu bapa (13 item).

Item-item dalam Bahagian A yang memerlukan jawapan terbuka ialah jantina (item 3) , keturunan (item 4) , pekerjaan ibu (item 8) , pekerjaan bapa (item 9) , pekerjaan yang ingin dilakukan selepas tamat sekolah (item 11) , keputusan PMR (item 15) dan keputusan UPSR (item 16) . Item yang memerlukan pilihan jawapan ialah jumlah adik-beradik (item 5) , anak ke berapa

dalam keluarga (item 6) , jumlah pendapatan ibu bapa (item 7) , tahap pendidikan ibu bapa (item 10) dan tujuan datang ke sekolah (item 12) .

Untuk mengukur pencapaian akademik pelajar keputusan bagi 8 matapelajaran PMR iaitu Bahasa Melayu , Bahasa Inggeris , Matematik , Sejarah , Geografi , Kemahiran Hidup , dan Pengetahuan Agama Islam atau Bahasa Cina telah diberi nilai gred $A = 4$, $B = 3$, $C = 2$, $D = 1$, dan $E = 0$. Jumlah nilai gred ini dibahagi dengan jumlah matapelajaran. Nilai skor $4.00 - 3.00$ (nilai = 1) dikategorikan sebagai nilai pencapaian tinggi , $2.99 - 2.00$ (nilai = 2) nilai pencapaian sederhana , dan $1.99 - 1.00$ (nilai = 3) sebagai nilai pencapaian rendah .

Untuk mengukur tahap SSE , item pekerjaan bapa dibahagi kepada 3 kategori iaitu kumpulan profesional seperti guru , doktor , peguam , jurutera , dan pegawai eksekutif (SSE tinggi) , kumpulan sokongan seperti kerani , juruteknik , juru jual , penyelia , dan guru tadika (SSE sederhana) dan kumpulan pekerja separuh mahir dan tidak mahir seperti peniaga , penjaja , buruh , operator kilang , peneroka Felda , pekebun dan pengawal keselamatan (SSE rendah) (Ishak Haron , 1977).

Bahagian B mengandungi item tentang persekitaran rumah seperti kawasan tempat tinggal (item 17) , jenis rumah kediaman (item 18) , jumlah bilik (item 19) dan kemudahan fizikal seperti air , elektrik , komputer , telefon , televisyen , dan radio (item 20) . Item dalam bahagian ini diberi pilihan jawaban .

Bahagian C ialah item tentang corak asuhan ibu bapa memerlukan responden memilih jawapan menggunakan skala likert 'selalu', 'kerap', 'kadang-kadang', 'jarang-jarang' dan 'Tak Pernah'(item 21-30). Untuk item 32 responden perlu memilih sama ada 'sangat penting', 'penting', 'tidak penting' dan 'mereka tak peduli pun'. Item 33 pula meminta responden memilih 'setuju' atau 'tidak setuju' untuk soalan yang meminta persetujuan mereka sama ada peperiksaan boleh menentukan dan menilai kejayaan.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah di Bentong. Sebanyak 120 borang soal selidik telah diedarkan melalui guru tingkatan masing-masing dan hanya 105 sahaja yang telah dikembalikan. Taburan sampel seperti dalam jadual-jadual berikut:

3.2.1 Taburan sampel mengikut jantina

Jadual 3.2.1: sampel mengikut jantina

Jantina	% Sampel
Lelaki	38.1 (40)
Perempuan	61.9 (65)
Jumlah	100.0 (105)

Jadual 3.2.1 menunjukkan 38.1 % (40 orang) sampel adalah lelaki berbanding 61.9 % (65 orang) perempuan.

3.2.2 Taburan sampel mengikut kaum

Jadual 3.2.2 : Sampel mengikut kaum

Kaum	% sampel
Melayu	72.4 (76)
Cina	23.8 (25)
India	3.8 (4)
Jumlah	100.0 (105)

Jadual 2 menunjukkan taburan sampel mengikut kaum iaitu 72.4 % (76 orang) terdiri daripada kaum Melayu , 23.8 % (25 orang) kaum Cina dan 3.8 % (4 orang) kaum India.

3.3 Pengutipan Data

Untuk menjalankan kajian ini kebenaran telah diminta terlebih dahulu daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan , Kementerian Pendidikan (ERPD) bagi mendapat kebenaran untuk membuat penyelidikan di sekolah yang terlibat. Pengkaji juga meminta kebenaran daripada pengetua sekolah sebelum kajian dijalankan.

Pengkaji juga telah mendapat kerjasama daripada guru-guru tingkatan 4 untuk membantu mengedar dan mengumpulkan semula soal selidik yang telah diisi oleh responden.

3.4 Analisis Data

Data dianalisis menggunakan *Statistical Package For the Social Science* (SPSS) versi 10.0. Kekekapan atau frekuensi dan rujuk silang (*crosstab tabulation*) adalah ujian statistik yang digunakan untuk membuat analisis data yang diperolehi. Jadual kekekapan frekuensi digunakan untuk mendapat jawapan bagi setiap pemboleh ubah. Ujian statistik khi-kuasa dua (*chi square*) digunakan untuk melihat perkaitan yang signifikan antara dua pemboleh ubah iaitu pencapaian akademik dan aspek-aspek dalam persekitaran rumah tangga dan corak asuhan ibu bapa. Like lihood Rattio, chi square ialah pada aras signifikan 0.05 ($p < 0.05$)